

# SC, SEBI meterai perjanjian BH 15 MAY 2001

SURUHANJAYA Sekuriti (SC) Malaysia **se-**  
**malam** memeterai Memorandum **Perseia-**  
**haman (MoU)** dengan Lembaga Sekuriti dan  
Bursa India (**SEBI**) **bagi** mengadakan **rang-**  
**ka** kerja bantuan dan kerjasama di antara  
Malaysia dan India.

Pemeteraian **MoU** itu disaksikan oleh  
**Perdana** Menteri Malaysia Datuk **Seri** Dr  
Mahathir Mohamad **dan Perdana** Menteri  
India **Atal Bihari** Vajpayee di Putrajaya.

SC. dalam satu kenyataan, berkata **MoU**  
**itu** menandakan **keperluan bagi** kerjasama  
yang lebih **banyak di** antara India dan Ma-  
laysia **bagi** mengawasi dan memajukan **pa-**  
**saran** sekuriti dan hadapan dengan **berke-**  
san memandangkan hubung kait **perdaga-**  
ngan melebihi sempadan dan melepasi  
**pasaran yang** lebih besar berikutan **globa-**  
jisasi **pasaran** kewangan.

Di bawah **MoU** itu, kedua-dua **badan pe-**  
ngawal selia akan mengiktiraf keperluan **bagi**  
penyediaan bantuan dan pertukaran **mak-**  
lumat untuk saling **membantu dalam me-**  
mastikan pematuhan undang-undang dan  
peraturan di negara **masing-masing**.

Sejajar dengan itu, skop **MoU itu terma-**  
suk menyediakan bantuan dan mengambil  
tindakan terhadap urus niaga dalaman,  
manipulasi **pasaran** dan **amalan** penipuan  
lain dalam **urus** niaga sekuriti.

Pengerusi SC, **Ali Abdul** Kadir dipetik oleh  
kenyataan itu sebagai berkata, kerjasama  
Selatan-Selatan adalah penting **bagi pertu-**  
karan **maklumat**, pengetahuan dan **kema-**  
hiran **di** kalangan negara Selatan.

"**Pasaran** sekuriti yang semakin menjadi  
produk antarabangsa mewujudkan cabaran  
baru **bagi** rantau **ini**. Sebagai pengawal **se-**  
**lia, kita** mesti berpadu tenaga **bagi memas-**  
tiken terdapat perlindungan yang **mencu-**  
kupi **bagi** pelabur dalam **pasaran** yang **sen-**  
tiasa berubah," katanya.